

## KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	SINAR HARIAN	MUKA SURAT	:	10
TARIKH	:	28/10/2019			
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Banjir lima negeri semakin buruk

1,149 mangsa banjir di seluruh negara dipindahkan

KUALA LUMPUR

**B**anjir di lima negeri iaitu Selangor, Johor, Perak, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan semalam dilaporkan semakin serius apabila jumlah mangsa yang dipindahkan meningkat kepada 1,149 orang berbanding 309 keluaraga ke pusat penempatan sementara (PPS) kelmarin.

Berdasarkan laporan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) Selangor antara negeri yang paling terjejas teruk apabila 659 orang daripada 185 keluarga di Kuala Selangor dipindahkan ke empat PPS.



Penduduk, Ishak Shamsudin, 50, melakukan kerja-kerja pembersihan di bahagian dapur yang terjejas ekoran banjir lumpur di Simpang Durian, Jelebu kelmarin.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 492 dipindahkan di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Mahang, 89 dipindahkan ke Dewan MDSK Desa Coalfield, SK Jalan Setia Batang Berjuntai (46) dan Sekolah Rendah Kebangsaan Ijok (32).

Di **PERAK**, mangsa

terlibat seramai 185 orang daripada 42 keluarga yang ditempatkan di dua PPS, masing-masing di Kerian dan Hilir Perak.

Menurut Nadma, di Seberang Perai, Pulau Pinang pula, seramai 131 mangsa daripada 35 keluarga dipindahkan ke tiga PPS di daerah itu.



Seorang penduduk, Sharzal Mustafa mengambil peluang menangkap ikan menggunakan jaring yang dipasang semasa banjir ketika tinjauan foto *Berhima* di beberapa kawasan Simpang Durian, Jelebu kelmarin.

Di **JOHOR**, seramai 105 mangsa daripada 24 keluarga dipindahkan ke dua PPS, masing-masing di Batu Pahat dan Pontian,

manakala di Jelebu, Negeri Sembilan, seramai 69 mangsa daripada 23 keluarga ditempatkan di dua PPS. Nadma turut melaporkan kan Jalan Bagian Serai di Kerian menuju ke Alor Pongsu dan Selama ditutup kepada semua kenderaan akibat banjir.